

▼25/03/16-13MST

CNS2810

R GB 25-03 00190 BB745

aah

Mahathir - Anugerah

DR MAHATHIR DIANUGERAH PINGAT EMAS WHO

I

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerima anugerah berprestij daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) September ini kerana sumbangan besar beliau kepada penjagaan kesihatan umum di negara ini.

Pengarah Serantau WHO Bagi Kawasan Pasifik Barat, Dr S. T. Han semasa mengumumkan perkara itu berkata, Dr Mahathir dianugerahi "Pingat Emas Kesihatan Untuk Semua".

Dr Mahathir merupakan pemimpin kedua dari negara kawasan Pasifik Barat yang akan menerima pingat tersebut. Yang pertama ialah Menteri Kesihatan Tonga yang menerima anugerah itu dua tahun lalu.

Dr Han berkata, Dr Mahathir telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan rakyat Malaysia menerima perkhidmatan kesihatan yang baik, dan kerana perhatiannya kepada kesihatan, Malaysia telah dianggap sebagai contoh bagi pembangunan perkhidmatan kesihatan oleh banyak negara.

Dr Han memberitahu pemberita selepas mewakili WHO menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan Malaysia bagi mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Serantau WHO ke-45 di sini pada 19 hingga 23 September ini. Kerajaan Malaysia diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Mohamed Rawli Mat Wajib. -- Lagi

▼25/03/16-24MST

CNS2812

R GB 25-03 00160 BB746

aab

Mahathir - Anugerah 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Han menjelaskan bahawa mesyuarat itu, antara lainnya, akan memberi tumpuan untuk membawa "pembaharuan" kepada WHO agar ia lebih berkesan mengikut perubahan masa.

Beliau berkata wakil daripada 27 buah negara yang akan dijemput ke persidangan itu akan juga mengkaji cara-cara untuk menganjurkan program-program dengan menggunakan dana WHO yang terhad.

Dr Han berkata matlamat WHO tahun ini ialah untuk menolong mencegah penyakit kronik yang berpunca daripada amalan seks dan gaya kehidupan yang tidak sihat dan penyakit yang disebabkan oleh makanan tidak berzat.

Sebelum itu, Mohamed Ramli berkata Malaysia bukan sahaja berbangga kerana dipilih sebagai tuan rumah, tetapi juga diberi penghormatan kerana mempunyai hubungan dengan kerja-kerja WHO.

"Selepas menjadi ahli WHO pada 1958, Malaysia mendapat manfaat daripada kepakaran yang diberi oleh WHO bagi projek-projek yang dirancang untuk meningkatkan mutu kesihatan dan perubatan untuk semua rakyat Malaysia," katanya. -- Bernama.

MKM OA